KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	1/1/2022 (SABTU)	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	PERHILITAN			



Utusan 1.1.2022_10

Gajah terpisah daripada kawanan sejukkan badan

TASIK buatan manusia terbesar di rantau Asia, Tasik Kenyir di Hulu Terengganu sememangnya terkenal dengan kepelbagaian flora dan fauna.

Selain memiliki lebih 300 spesies ikan air tawar, pengunjung destinasi pelancongan popular itu turut berpeluang menyaksikan hidupan liar termasuk gajah.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* sempat merakamkan aksi seekor gajah turun mandi ke tasik berkenaan ketika cuaca panas.

Haiwan liar tersebut yang dipercayai terpisah daripada kawanan gajah lain mempunyai kebolehan berenang dengan menggunakan belalainya untuk menyelam dan bernafas dalam air.

Seekor gajah liar turun ke dalam tasik untuk mandi dan menyejukkan badan ketika cuaca panas di Tasik Kenyir, Kuala Berang Terengganu.
- UTUSAN/ PUQTRA HAIRRY